

bah

Mahathir - Saham

JANGAN BERURUS NIAGA DI BSKL BERDASARKAN SPEKULASI SEMATA-MATA, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak harus berurus niaga semata-mata berdasarkan spekulasi kerana mereka yang akhirnya akan kerugian.

"Orang ramai mesti menyedari jika mereka mula mengambil risiko di bursa saham, mereka akan kecewa," katanya ketika diminta mengulas urus niaga turun naik secara berleluasa di BSKL pada masa ini.

Perdana Menteri berkata orang ramai perlu dididik mengenai operasi BSKL.

"Beberapa orang akan mengalami kerugian besar...tetapi mereka akan menyedarinya, sesetengahnya setelah mengalami kerugian besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-40, di sini.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang mengadakan peraturan lebih ketat di BSKL, beliau berkata: "Walau bagaimana banyak, yang cuba kita terangkan, bagaimana banyaknya peraturan yang diadakan, namun tetap akan ada orang yang cuba melakukan sesuatu yang bertentangan.

"Akan ada mereka yang cuba mengambil peluang, dengan mewakili beberapa orang yang tidak bertanggungjawab...kita tidak boleh mengatasinya." -- Lagi.

♥26/06/15-45MST

U GB 26-06 00136 BH787

bah

Mahathir - Saham 2 Kuala Lumpur

Katanya: "Kita memperkenalkan satu-satu peraturan, mereka melakukan dengan cara yang lain pula...Kita tidak mahu mengawal semuanya."

Ketika ditanya mengenai manipulasi harga-harga saham, katanya, beliau tidak mengetahui sejauh mana seriusnya perkara itu.

"Tetapi, yang pasti, kita mengambil perhatian dan Suruhanjaya Sekuriti akan meneliti perkara itu," katanya.

Semasa diminta mengulas mengenai Lorrain Osman yang mengaku bersalah atas tuduhan menipu Bumiputra Malaysia Finance Ltd sebanyak AS292 juta (RM756 juta) di Hong Kong semalam, Dr Mahathir berkata beliau percaya akan ada orang yang mahu membangkitkan lagi perkara itu.

"Saya sendiri berasa ada orang tertentu terlepas daripada kesalahan yang mereka lakukan semasa memegang jawatan.

"Tetapi, biarlah mahkamah memutuskannya," katanya ketika ditanya sama ada keputusan mahkamah itu akan menamatkan keseluruhan isu itu. -- Lagi.

♥26/06/16-08MST

U GB 26-06 00110 BH788

bah

Mahathir - Saham 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata pihak Barat boleh belajar daripada Timur mengenai perlunya menjadi produktif supaya setara dengan naph yang diterima.

"Kita di sini berpendirian bekerja serta menjadi produktif, jika seseorang tidak produktif, mereka tidak akan memperoleh lebih pendapatan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan perlu mengkaji semula dasar terhadap China, yang sekarang ini berminat mengadakan hubungan ekonomi dengan Iran-jirannya.

"Kita perlu menerima China baru itu dengan polisi baru," katanya.

Katanya, penduduk China seramai 1,200 juta itu merupakan pasaran yang menguntungkan untuk negara-negara di rantau ini. -- Bernama.

AZG AZ.

♥26/06/16-22MST